



KENYATAAN/SIARAN AKHBAR

Perbadanan Putrajaya (PPj) ingin merujuk kepada kepada SKP daripada Warga Prihatin berjudul "Warga Putrajaya Mahu Jadual Penutupan Jalan Dihebah Awal" yang disiarkan melalui segmen Surat, Berita Harian pada 24 Disember 2009.

Pihak PPj telah membuat hebahan awal menerusi media serta laman web PPj sebelum kerja-kerja pembaikan jalan dilaksanakan. Jalan-jalan yang berkenaan juga masih boleh dilalui oleh kenderaan kerana kerja-kerja pembaikan ini dilaksanakan secara berperingkat. Walau bagaimana pun, tarikh penutupan jalan kadangkala perlu dianjakkan dari jadual asal kerana kerja-kerja di tapak terpaksa dihentikan apabila keadaan cuaca yang tidak mengizinkan atau terdapat keperluan lain seperti penganjuran acara. Hebahan melalui media juga adalah tertakluk kepada budi bicara akhbar-akhbar yang berkenaan di mana kadang kala siaran akhbar mengenai penutupan jalan ini tidak dapat disiarkan oleh pihak akhbar kerana kekangan ruangan.

Merujuk kepada penutupan jalan kerana penganjuran acara pula, acara yang memerlukan jalan ditutup secara keseluruhan hanya dianjurkan pada hujung minggu atau selepas waktu pejabat sahaja bagi mengelakkan masalah kelancaran lalu lintas.

Warga Prihatin dinasihatkan untuk merujuk ke laman web PPj iaitu <http://www.ppj.gov.my> dari semasa ke semasa untuk mengetahui status penutupan jalan.

Sekian dimaklumkan, terima kasih.



(ZAHARAH SALAMAT)

Timbalan Pengarah Perhubungan Awam
b.p. Presiden Perbadanan Putrajaya

Tarikh: **30** Disember 2009

Disediakan oleh Bahagian Perhubungan Awam untuk PERBADANAN PUTRAJAYA -
Tel: 03-8887 7033 Faks: 03-8887 5013